

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang
Sidang Akademik 2000/2001

April 2001

AAW 323 - Perakaunan Pengurusan Lanjutan

Masa : 3 jam

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TUJUH** muka surat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **LIMA (5)** soalan.

...2/-

Soalan 1 (20 markah)

E-Megabuku merupakan sebuah rangkaian jualan buku-buku universiti dan sekolah menengah. Syarikat ini beribupejabat di Bandar Anganjaya yang mempunyai empat jabatan beroperasi yang memperolehi, memasar dan mengedar buku-buku ke seluruh Malaysia. Dua daripada jabatan menjana hasil ialah jabatan Jualan Universiti dan Jualan Sekolah. Sementara terdapat dua jabatan sokongan iaitu jabatan Pentadbiran (sumber manusia, perakaunan dan kewangan) dan jabatan Sistem Maklumat. Setiap jabatan Jualan menjalankan operasi pembarangan dan pemasaran secara berasingan.

Maklumat berikut diperolehi untuk bulan Mac 2001:

Jabatan	Hasil	Bilangan Pekerja	Masa pemprosesan digunakan
Jualan Universiti	RM1,334,200	46	1920 minit
Jualan Sekolah	RM 667,100	28	1600 minit
Pentadbiran	-	14	320 minit
Sistem Maklumat	-	21	1120 minit

Kos yang ditanggung untuk keempat-empat jabatan untuk bulan Mac 2001 adalah seperti berikut:

Jualan Universiti	RM998,270
Jualan Sekolah	489,860
Pentadbiran	72,700
Sistem Maklumat	234,400

Gunakan data bilangan pekerja bagi memperuntukkan kos pentadbiran dan data masa pemprosesan digunakan untuk memperuntukkan kos Sistem Maklumat.

Dikehendaki:

- (a) Peruntukkan kos jabatan sokongan kepada jabatan jualan Universiti dan jualan sekolah dengan menggunakan kaedah langsung.

[8 markah]

- (b) Susun jabatan sokongan mengikut peratus perkhidmatan yang diberikan kepada jabatan sokongan yang lain (gunakan kos jabatan bulan Mac). Gunakan susunan ini untuk memperuntukkan kos sokongan berasaskan kaedah peruntukan "step-down".

[7 markah]

- (c) Bagaimanakah anda boleh menyusun jabatan sokongan berbeza daripada (b)?

[AAW323]

[5 markah]

...3/-

Soalan 2 (20 markah)

CyberUnta Corporation merupakan sebuah syarikat yang ditubuhkan di Amerika Syarikat. Syarikat ini membuat dan menjual telefon bimbit berjenama Genesis yang berteknologi tinggi dan boleh digunakan untuk setiap urusan antarabangsa. Pasaran Genesis telah berkembang ke serata wilayah dan rantau. Permintaan yang mendadak di rantau Asia Pasifik telah memusatkan perhatian pihak pengurusan CyberUnta ke lokasi ini terutamanya di Malaysia, Taiwan dan Korea Selatan. Untuk menjadikan pemasaran dan persaingan yang lebih berkesan CyberUnta menubuh tiga cawangan yang terletak di tiga buah negara yang berbeza. Negara berkenaan adalah seperti berikut:

- (1) Cawangan Korea Selatan – memasang dan pembuatan komponen lain
- (2) Cawangan Malaysia – membuat casing dan butang telefon
- (3) Cawangan Amerika – membungkus dan mengedar telefon Genesis

Setiap cawangan beroperasi sebagai pusat untung. Kos yang dikenakan untuk kerja-kerja yang telah dilakukan untuk setiap cawangan bagi setiap unit telefon adalah seperti berikut:

Cawangan Malaysia:	Kos berubah = RM100
	Kos tetap = RM180
Cawangan Korea Selatan	Kos berubah = 360,000 won
	Kos tetap = 480,000 won
Cawangan Amerika	Kos berubah = \$100
	Kos tetap = \$200

Kadar cukai pendapatan ke atas pendapatan kendalian cawangan di Malaysia	28%
Kadar cukai pendapatan ke atas pendapatan kendalian cawangan Korea Selatan	20%
Kadar cukai pendapatan ke atas pendapatan kendalian cawangan di Amerika	30%

Setiap telefon bimbit Genesis dijual pada harga RM3,200 seunit. Andaikan kadar tukaran asing semasa adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned} \text{RM4} &= \$1 \text{ US} \\ 1,200 \text{ won} &= \$1 \text{ US} \end{aligned}$$

Kedua-dua cawangan di Malaysia dan Korea Selatan menjual komponen yang dibuat dengan menggunakan label persendirian. Cawangan Malaysia menjual casing dan butang telefon bimbit kepada syarikat pembuatan di Malaysia dengan harga RM360. Manakala cawangan Korea Selatan menjual telefon bimbit ke pasaran Korea dengan harga 1,560,000 won.

Dikehendaki:

- (a) Kirakan pendapatan kendalian selepas cukai setiap unit yang diperolehi oleh setiap cawangan dengan menggunakan kaedah harga pindahan berikut:
- (i) harga pasaran
 - (ii) 200% kos penuh
 - (iii) 300% kos berubah
- [10 markah]
- (b) Nyatakan harga pindahan yang manakah akan memaksimumkan pendapatan bersih setiap unit CyberUnta Corporation?
- [5 markah]
- (c) “Harga pindahan hanya khusus untuk pusat untung”. Sejauhmana anda setuju dengan kenyataan ini dan jelaskan.
- [5 markah]

Soalan 3 (20 markah)

MegaPower (MP) ditubuhkan bagi operasinya untuk menyalurkan bekalan elektrik untuk beberapa kawasan di Pulau Pinang, Damansara (Kuala Lumpur) dan Sungai Buluh (Selangor) untuk menampung bekalan elektrik di kawasan perindustrian. Sementara ini anak syarikat yang ditubuhkan iaitu Upeh Pinang Muda Sdn. Bhd. (UPEM) yang beroperasi di Bukit Damansara, Kuala Lumpur berfungsi sebagai pereka dan pembekal peralatan penjanaan untuk ketiga-tiga pencawang elektrik di ketiga-tiga tempat tersebut.

Maklumat berikut adalah berkaitan dengan aktiviti MegaPower bagi tahun 2000:-

Pencawang	Penggunaan Kilowatt sejam	
	Belanjawan	Sebenar
Pulau Pinang	100,000	80,000
Damansara	60,000	120,000
Sungai Buluh	40,000	40,000

Kos tetap sebenar untuk pencawang adalah RM1 juta dalam tahun 2000; kos berubah sebenar ialah RM2 juta.

Dikehendaki:-

- (a) Kirakan amaun kos tenaga yang akan diperuntukan kepada pencawang di Sungai Buluh dengan menggunakan kaedah satu kadar (single-rate).
- [8 markah]

[AAW323]

- ...5/-
- (b) Kirakan amaun kos tenaga yang akan diperuntukan kepada pencawang di Sungai Buluh dengan menggunakan kaedah dua kadar (dual-rate). [8 markah]
- (c) Apakah kriteria yang mungkin digunakan untuk memandu keputusan peruntukan kos? Kriteria yang manakah yang penting sekali? [4 markah]

Soalan 4 (20 markah)

Syarikat Perusahaan Kelapa Sawit Gajah Jinak (SPKS) merupakan sebuah syarikat bumiputera yang menjalankan perusahaan berasaskan minyak kelapa sawit di Bandar Pusat Jengka, Temerloh, Pahang. SPKS membeli minyak kelapa mentah daripada kilang-kilang kelapa sawit berdekatan. Proses menapis minyak kelapa sawit telah menghasilkan empat gred minyak kelapa pada titik berpecah (splitoff) iaitu Sawit A, Sawit B, Sawit C dan Sawit D. Produk Sawit C diproses sepenuhnya pada titik berpecah. Produk Sawit A, Sawit B dan Sawit D setiap satu boleh diproses seterusnya menjadi Supersawit A, Supersawit B dan Supersawit D. Dalam bulan Oktober 2000, keluaran pada titik berpecah adalah seperti berikut:-

Sawit A	300,000 liter
Sawit B	100,000 liter
Sawit C	50,000 liter
Sawit D	50,000 liter

Kos bercantum untuk membeli dan memproses minyak kelapa sawit mentah adalah RM100,000. SPKS tidak mempunyai inventori awal atau inventori akhir. Jualan bagi Sawit C dalam bulan Oktober adalah RM50,000. Produk Sawit A, Sawit B dan Sawit D diproses seterusnya dan dijual. Maklumat bagi bulan Oktober adalah seperti berikut:

	Kos Pemprosesan Boleh diasingkan untuk membuat produk Supersawit	Hasil
Supersawit A	RM200,000	RM300,000
Supersawit B	80,000	100,000
Supersawit D	90,000	120,000

...6/-

Walau bagaimanapun SPKS boleh menjual Sawit A, Sawit B dan Sawit D pada titik berpecah. Alternatif ini mungkin boleh mendatangkan hasil seperti berikut untuk bulan Oktober:

Sawit A	RM50,000
Sawit B	30,000
Sawit D	70,000

Dikehendaki:

(a) Kirakan peratus margin kasar untuk setiap produk dijual pada bulan Oktober dengan kaedah berikut:

- (i) nilai jualan pada titik berpecah
- (ii) kaedah ukuran fizikal
- (iii) anggaran nilai realis bersih

[13 markah]

(b) Dapatkah SPKS meningkatkan pendapatan bulan Oktober dengan membuat keputusan untuk tidak memproses seterusnya produk Sawit A, Sawit B dan Sawit D? Tunjukkan kesannya melalui pengiraan.

[4 markah]

(c) Bezakan antara produk utama, produk bercantum dengan byproduk.

[3 markah]

Soalan 5 (20 markah)

Guntung Telekomunikasi (GUTEK) merupakan syarikat yang memasang telefon bimbit berteknologi tinggi yang dipasarkan di rantau Asia Pasifik. Setiap telefon bimbit mengambil masa 6 jam untuk dipasang. GUTEK menggunakan sistem pengeluaran Tepat Pada Masa (JIT) dan sistem pengkosan "backflush" dengan tiga titik pemacu (trigger point) iaitu:

- ◆ Belian bahan (mentah) langsung
- ◆ Menyiapkan produk
- ◆ Jualan barangan siap

...7/-

Tidak terdapat sebarang inventori awal untuk bahan langsung dan barangan siap. Maklumat berikut adalah untuk bulan April 2001:

Bahan langsung dibeli	RM2,754,000
Bahan langsung digunakan	RM2,733,000
Kos pertukaran ditanggung	RM723,000
Kos pertukaran diperuntukkan	RM750,400

GUTEK merekodkan belian bahan langsung dan kos pertukaran ditanggung pada kos sebenar. Apabila barang siap dijual, sistem pengkosan "backflush" dikira melalui kos bahan langsung piawai (RM102 seunit) dan kos pertukaran piawai (RM28 seunit). GUTEK mengeluarkan 26,800 unit pada bulan April 2001 dan menjual 26,400 unit. Kos bahan langsung seunit sebenar dalam bulan April ialah RM102 manakala kos pertukaran sebenar seunit ialah RM27.

Dikehendaki:

- (a) Sediakan catatan jurnal untuk bulan April 2001 (tanpa membuang kos pertukaran terlebih atau terkurang diperuntukkan)

[6 markah]

- (b) Poskan catatan dalam (a) ke akaun T yang sesuai seperti Inventori: Kawalan Bahan dan Dalam Proses, Kawalan Barangan Siap, Kawalan Kos Pertukaran, Kos Pertukaran Diperuntukkan, dan Kos Barang Dijual.

[6 markah]

- (c) Apakah perbezaan sistem pengeluaran JIT yang ideal dengan JIT yang separa ideal berhubung dengan sistem pengkosan "backflush"?

[3 markah]

- (d) Jelaskan tiga versi pengkosan "backflush" yang boleh digunakan oleh GUTEK.

[5 markah]

- 8 -

[AAW323]

- 0000000 -